

'Jangan takut undi Harapan'
SINAR HARIAN
2 MAC 2018
WARTAWAN SINAR HARIAN

SHAH ALAM - Pengundi terutama kakitangan awam tidak perlu takut berikan undi kepada Pakatan Harapan pada PRU14 kerana kerajaan BN tidak dapat berbuat apa-apa terhadap mereka.

Pengerusi Harapan, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, khabar angin yang menyatakan BN bakal mengetahui siapa pengundi mereka perlu diabaikan kerana undi adalah rahsia mengikut undang-undang.

"Mereka (kerajaan BN) ancam mereka yang tidak mengundi BN, tetapi pengundi harus abaikan khabar angin ini. Undi adalah rahsia. Kerajaan BN tidak akan tahu siapa yang anda pilih.

"Jadi jangan takut, khususnya kakitangan awam. Sama ada mereka (BN) menang atau kalah, mereka tidak boleh berbuat apa-apa kepada anda," katanya dipetik menerusi blognya chedet.cc, hari ini.

Jika Harapan menang, Tun Mahathir berkata, Harapan akan memberi pampasan kepada mereka yang telah menjadi mangsa BN sama ada dalam sektor kerajaan atau swasta.

"Jadi, undilah Harapan untuk pulihkan kedaulatan undang-undang dan demokrasi," katanya.

Beliau mendakwa, Malaysia pada hari ini tidak lagi demokrasi apabila undang-undang sedia ada tidak ditegakkan, malah disalahgunakan untuk tujuan penindasan.

**© 2018 All Rights Reserved • Karangkrak Group Media • © 2018 Hakcipta
Terpelihara • Kumpulan Media Karangkrak**

Source: <http://www.sinarharian.com.my/politik/jangan-takut-undi-harapan-1.804585>